

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**KEBERKESANAN KURSUS PENGHAYATAN ETIKA DAN  
PERADABAN DALAM MEMUPUK KESEPADUAN KAUM:  
KAJIAN TERHADAP PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI  
MARA (UiTM)**

*THE EFFECTIVENESS OF COURSES PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN  
IN FOSTERING RACIAL UNITY: A STUDY ON UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(UiTM) STUDENTS*

Sakinatul Raadiyah Abdullah<sup>1\*</sup>, Farahdina Fazial<sup>2</sup>, Surita Hartini Mat Hassan<sup>3</sup>, Salimah Yahaya<sup>4</sup> & Che Khadijah Hamid<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Merbok, Kedah, Malaysia

Email: [sakinatulraadiyah@uitm.edu.my](mailto:sakinatulraadiyah@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Merbok, Kedah, Malaysia

Email: [farahdinafazial@uitm.edu.my](mailto:farahdinafazial@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Raub, Pahang, Malaysia

Email: [suritahartini@uitm.edu.my](mailto:suritahartini@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia

Email: [salimahyahya@uitm.edu.my](mailto:salimahyahya@uitm.edu.my)

<sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia

Email: [chekhadijah@uitm.edu.my](mailto:chekhadijah@uitm.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 28.04.2022

Revised date: 15.05.2022

Accepted date: 16.06.2022

Published date: 28.06.2022

**To cite this document:**

Abdullah, S. R., Fazial, F., Hassan, S. H. M., Yahaya, S. & Hamid, C. K.,

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

**Abstrak:**

Kursus teras universiti adalah kursus asas yang ditetapkan oleh universiti yang mana turut diperakui oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kursus ini juga tertakluk sebagai satu kursus yang ditetapkan oleh senat universiti untuk memastikan bahawa pendidikan yang menyeluruh dapat diberikan kepada seseorang pelajar. Pelajar wajib mengambil dan wajib lulus kursus ini sekaligus akan melayakkan pelajar untuk bergraduasi mengikut waktu yang telah ditetapkan. Di Universiti Teknologi Mara (UiTM), salah satu kursus teras universiti adalah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang merupakan

(2022). Keberkesanan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban Dalam Memupuk Kesepaduan Kaum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 571-582.

DOI: 10.35631/IJEPC.746043

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kursus wajib yang termaktub di bawah kelolaan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan ditawarkan kepada pelajar pada peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di setiap kampus cawangan seluruh Malaysia. Namun, menjadi persoalan adakah kursus ini berkesan dalam memupuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM kerana secara maklum keseluruhan pelajar universiti ini terdiri daripada kalangan pelajar Bumiputera sahaja. Seajar dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan kursus seterusnya akan menganalisis bagaimana keberkesanan kursus ini dalam membentuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM ini. Alat-alat pengukuran yang digunakan dalam pengumpulan data merangkumi soal selidik yang diedarkan secara dalam talian menggunakan perisian google form kepada 455 orang pelajar UiTM di Malaysia secara rawak. Data-data yang diperolehi daripada sampel rawak ini kemudiannya dianalisis menggunakan analisis deskriptif melalui perisian kuantitatif untuk melihat kesinambungan keseluruhan analisis dapatan kajian. Keputusan yang diperolehi seterusnya akan memberi kesimpulan terhadap ciri-ciri populasi yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa kursus teras universiti bersifat dinamik dan anjal, serta seiring dengan kehendak dan keperluan semasa sebagai usaha memenuhi komponen kenegaraan Malaysia sekaligus mempunyai peranan tersendiri dalam memupuk kesepaduan kaum khususnya..

#### Kata kunci:

Etika dan Peradaban, kesepaduan kaum, Universiti Teknologi Mara (UiTM)

#### Abstract:

University core courses are basic courses set by the university which are also certified by the Ministry of Higher Education (MOHE). This course is also subject as a course prescribed by the university senate to ensure that a comprehensive education can be given to a student. Students must take and must pass this course at the same time will qualify students to graduate according to the time set. At Universiti Teknologi Mara (UiTM), one of the university's core courses of Ethics and Civilization which is a compulsory course under the auspices of the Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) and offered to students at the diploma and bachelor's degree levels at each branch campus entire Malaysia. However, it is questionable whether this course is effective in fostering racial unity among UiTM students because as far as we know, all university students consist of Bumiputera students only. In line with that, the objective of this study is to identify the level of student acceptance of the course content and will then analyze how the effectiveness of this course in shaping racial unity among UiTM students. The measurement tools used in data collection include questionnaires distributed online using google form software to 455 UiTM students in Malaysia at random. The data obtained from this random sample were then analyzed using descriptive analysis through quantitative software to see the overall continuity of the analysis of the study findings. The results obtained will then draw conclusions on the characteristics of the studied population. The results of the study found that the university's core courses are dynamic and flexible, as well as in line with current needs and requirements in an effort to fulfill the components of Malaysian nationhood as well as have their own role in fostering racial unity in particular.

#### Keywords:

Fostering Racial Unity, At Universiti Teknologi Mara (UiTM)

## Pengenalan

Pendidikan merupakan saluran penting bagi melahirkan kecintaan sesebuah masyarakat kepada agama, bangsa dan tanahair. Dalam usaha ini, penerapan dan penawaran Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia. Kandungan MPU adalah berlandaskan intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merangkumi beberapa bidang ilmu antaranya kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial. Matlamat utama pengenalan subjek MPU adalah untuk meningkatkan kualiti modal insan selari dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Pelaksanaan MPU sebagaimana yang digariskan oleh KPT pada tahun 2016 telah membuat ketetapan bahawa komponen MPU dibahagikan kepada empat kelompok utama iaitu pertama U1: Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah, U2: Penguasaan kemahiran insaniah, U3: Perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia dan terakhir melibatkan U4: Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum. Selain itu, pembahagian kelompok MPU ini adalah turut diselaraskan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2016). Pelan dan dasar akademik yang diperkenalkan melalui subjek MPU sejajar dengan inspirasi kebangsaan bagi meningkatkan modal insan, seiring dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju (Hairol Anuar Hj Mak Din, Khairul Hamimah Mohd Jodi & Faridah Che Hussain, 2017).

Namun begitu, ketetapan dan pelaksanaan subjek ini di peringkat universiti baru-baru ini telah menjadi titik perbualan hangat dan telah mendapat reaksi banyak pihak apabila ada yang berpendapat subjek MPU tidak perlu diwajibkan kepada pelajar dan hanya perlu dijadikan sebagai subjek elektif. Pendapat ini dilontarkan melalui pandangan bahawa pelajar universiti hanya perlu memfokuskan kepada subjek-subjek yang berkaitan dengan kursus mereka sahaja. Subjek-subjek MPU seperti ketamadunan Islam, pengajian Malaysia, kewarganegaraan, falsafah dan isu semasa, kesihatan dan gaya hidup, komunikasi, serta pengurusan dan analisis data tidak perlu menjadi satu keutamaan kerana beranggapan bahawa disebabkan penambahan subjek itu telah menyebabkan tempoh pembelajaran pelajar universiti semakin panjang. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan pelajar IPT lambat bergraduasi dan melambatkan mereka untuk masuk ke dunia pekerjaan.

Walaupun bagaimanapun, cadangan ini telah disanggah sepenuhnya oleh Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK) yang menyatakan, peranan universiti dalam mendidik pelajar adalah lebih luas. Universiti bukan sahaja menyediakan pelajar kepada dunia pekerjaan malahan mempersiapkan mereka untuk meneroka dan memperkukuhkan ilmu pengetahuan yang ada, mengembangkan akal dan potensi serta keperibadian manusia. Melalui subjek MPU, universiti bukan sahaja berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik tetapi juga dalam aspek mempelajari kemahiran-kemahiran insaniah yang seterusnya mampu memberi kekuatan kepada mereka untuk berinteraksi dan bersosial secara positif dengan masyarakat luar (Ng Ming Yip & Iswandi Harahap, 2017).

Mengambil kira kepada isu ini, antara ketetapan subjek MPU di Universiti Teknologi Mara (UiTM) diletakkan dibawah pengurusan Akademi Pengajian Kontemporari Islam (ACIS) di mana ACIS berperanan dan bertanggungjawab dengan ketetapan yang telah diperuntukkan oleh pihak KPT. Penawaran subjek ini melihat kepada keperluan semua pelajar di universiti ini yang tertakluk mengikut tahap pengajian. Melihat kepada kepentingan subjek MPU dan isu-isu yang berbangkit, kertas kerja ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan kursus dan menganalisis bagaimana keberkesanan kursus ini dalam

membentuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM ini yang mana diketahui bahawa pelajar di UiTM terdiri daripada kalangan pelajar Bumiputera sahaja dan ini dilihat sebagai satu keistimewaan yang boleh diteliti bagaimana dengan status itu dapat melahirkan rasa dan kesepaduan kaum di Malaysia.

Dalam hal ini, Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak ketinggalan menawarkan kursus MPU kepada para pelajar peringkat Ijazah Pertama dan diploma tanpa mengira latar belakang jurusan, kaum dan agama. Setiap pelajar diwajibkan mengambil kursus ini bersamaan dengan empat (04) jam kredit (2 jam kredit/semester) yang mana keseragaman ini adalah sama bagi semua kampus. Ketetapan penilaian subjek ini juga telah melalui beberapa fasa perubahan dan silibus terkini telah bermula pada semester Mac-Julai 2018. Pelaksanaan terkini ialah penilaian 100% berasaskan penilaian secara berterusan. Kaedah penilaian ini bertepatan sebagaimana yang digariskan oleh KPT iaitu pelaksanaan pentaksiran berterusan dan pentaksiran sumatif dalam kursus yang melibatkan penggunaan teknik serta pendekatan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi. Selain itu, penilaian juga berdasarkan pentaksiran secara peperiksaan yang dilaksanakan melalui ujian, pembentangan dan juga pelaksanaan projek. Penilaian juga turut dilaksanakan berasaskan persoalan dan inkuiri seperti kajian kes, penyelidikan, simulasi, refleksi, pengalaman melalui lawatan, sangkutan dan sebagainya (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Melihat kepada kepentingan dan keperluan subjek tersebut, ketetapan subjek MPU yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah meliputi subjek kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang mana merupakan satu kursus wajib yang ditetapkan kepada para pelajar di peringkat ijazah sarjana muda dan peringkat diploma di UiTM yang mana kod kursus yang terlibat adalah CTU152 untuk pelajar diploma dan CTU554 untuk pelajar ijazah sarjana muda. Maka kajian ini dilihat relevan untuk mengukur keberkesanan dalam membentuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM meliputi kepada objektif utama iaitu untuk mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan kursus seterusnya akan menganalisis bagaimana keberkesanan kursus ini dalam membentuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM ini.

### **Sorotan Karya dan Kajian Literatur**

Setakat penelitian terhadap kajian lepas yang memberi tumpuan kepada kursus penghayatan etika dan peradaban, didapati masih kurang dilakukan oleh para pengkaji. Perkara ini mungkin juga terkait dengan kursus wajib ini baharu sahaja ditawarkan sekitar tahun 2020 kepada pelajar diperingkat universiti. Kajian Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Muhamad Safuan Yusoff, Habibah Artini Ramlie & Abang Mohd. Razif Abg Muis (2021) misalnya, kajian mereka tertumpu kepada perbincangan tentang evolusi kursus teras kepada aspek sinopsis, objektif dan kandungan kursus yang ditawarkan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian mereka mendapati bahawa kursus teras universiti bersifat dinamik dan anjal, serta seiring dengan kehendak dan keperluan semasa sebagai usaha memenuhi komponen kenegaraan Malaysia.

Tumpuan kajian mengenai kursus etika dan peradaban turut terfokus kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Tumpuan mengenai perkara ini telah dijalankan kajian oleh Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Siti Aidah Lukin, Saifulazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam (2021) yang membincangkan tentang keberkesanan PnP dalam talian bagi kursus tersebut sesuai dengan keadaan norma baharu pada masa kini. Bagi meninjau keberkesanannya, kajian telah dibuat

dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). Antara perkara yang disentuh dalam kajian tersebut termasuklah objektif, kurikulum dan kaedah PnP. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa matlamat asas dan objektif kursus ini tercapai walaupun dibuat dalam talian sepenuhnya, tetapi ia diandaikan bahawa pencapaian akan lebih ketara sekiranya ianya diajar menggunakan kaedah tradisional iaitu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Kesamaan bagi kedua-dua kajian ini adalah penumpuan terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran terhadap kursus teras yang dibincangkan.

Bagi kajian Kamsani Md. Saad (2021), kajian beliau menumpukan kepada kajian persepsi pelajar. Kajian yang dilakukan bertujuan untuk melihat persepsi pelajar-pelajar terhadap kursus penghayatan etika dan peradaban dengan beberapa pemboleh ubah bebas yang dipilih iaitu terhadap demografi jantina, agihan berdasarkan tiga Jabatan Pengajian dan persepsi pelajar terhadap aspek kandungan kursus, aspek pengajaran pensyarah dan aspek penilaian kursus. Setelah membuat kajian, hasil dapatan mendapati penerimaan pelajar terhadap kursus penghayatan etika dan peradaban bagi tiga aspek menunjukkan penerimaan pelajar adalah sangat tinggi. Justeru, implikasi kajian yang dijalankan beliau telah membuka ruang kepada pensyarah untuk menambah baik proses PdP dan menjadikan kursus penghayatan etika dan peradaban sebagai satu platform kepada pelajar untuk menambah pengetahuan tentang ilmu peradaban yang bermoral dalam kehidupan di samping menguasai kemahiran generik yang berkaitan. Apabila diteliti kajian yang dilakukan oleh Kamsani Md. Saad (2021), fokus kajian beliau hampir sama dengan kajian pengkaji iaitu melihat persepsi atau pengukur tahap penerimaan pelajar terhadap kursus teras universiti. Walau bagaimanapun, kelainan yang jelas adalah kajian yang dijalankan oleh pengkaji lebih menumpukan kepada aspek penelitian kepada keberkesanaan dalam membentuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar.

Selain itu, dalam mengulas berkaitan subjek yang ditawarkan dalam subjek MPU di universiti, kajian oleh Noor Aziera Mohamad Rohana, Siti Nurul Izza Hashim, Norafifah Ab Hamid, Mohd Faizal P. Rameli & Norizah Mohamed@Daud (2018) telah membincangkan berkaitan pelaksanaan subjek Hubungan Etnik tanpa peperiksaan akhir di UiTM cawangan Melaka di mana subjek ini merupakan satu ketetapan yang diperkenalkan dalam senarai MPU. Berdasarkan kepada penelitian ini dapat dibuktikan bahawa subjek tersebut adalah penting dalam pembentukan negara bangsa walaupun kaedah pelaksanaannya tanpa peperiksaan akhir. Namun apa yang penting adalah intipati dan objektif kandungan subjek yang mendedahkan para pelajar kepada kepelbagaian sumber ilmu.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan dua jenis kaedah pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data sekunder ialah data yang dikumpul oleh penyelidik lain sama ada dalam bentuk teks atau nombor. Dalam kajian ini, data sekunder dikumpul melalui kajian dokumen, kajian universiti pengajian tinggi, risalah, tesis, jurnal, buku, surat khabar dan laman sesawang yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan fokus utama berkaitan kata kunci kajian. Kajian ini bertujuan mengetahui keberkesanan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam memupuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM. Dalam usaha memastikan kajian ini dapat dilakukan dengan menyeluruh, kajian ini dilakukan menggunakan persampelan kajian yang dibuat secara rawak bagi mendapatkan responden yang terdiri daripada pelajar UiTM.


Seramai 455 orang responden yang terdiri daripada pelajar lelaki dan wanita daripada pelbagai fakulti dan peringkat pengajian di kampus-kampus UiTM telah diberikan soalan kaji selidik melalui pautan 'google form' dan dikongsikan kepada responden melalui kaedah dalam talian.

Bilangan sampel yang besar bersesuaian dengan kajian yang memerlukan bilangan sampel yang besar untuk mempengaruhi dapatan kajian bagi mengenal pasti tahap keberkesanan yang dimaksudkan dalam objektif kajian. Penggunaan kaedah persampelan ini juga merupakan subset populasi dan sampel mewakili seluruh populasi. Sampel daripada kalangan pelajar UiTM melalui pelbagai kampus adalah relevan kerana ia mewakili sampel daripada keseluruhan populasi. Kaedah pengumpulan data secara soal selidik dipilih kerana dengan kaedah ini lebih memberi lebih banyak kemudahan sesuai dengan keadaan semasa yang menggunakan teknologi terkini dan dilihat lebih selamat sesuai dengan keadaan pandemik kini. Selain itu, dengan kemudahan ini dapat memfokuskan kepada ruang yang lebih besar dalam mendapatkan sampel yang besar dengan kos yang rendah serta dapat memberikan persampelan yang lebih tepat.

Edaran borang soal selidik hanya secara maya ini dilihat sebagai satu kaedah instrumen kajian. Instrumen ini hanya memerlukan gajet untuk mengisi soal selidik tersebut. Soal selidik tersebut terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina, kampus, semester pengajian, fakulti pengajian dan sebagainya. Bahagian kedua pula berkaitan kepada pandangan pelajar terhadap subjek MPU secara umum manakala pada bahagian ketiga adalah bahagian terbuka untuk cadangan dan pandangan responden secara umum berkaitan dengan subjek MPU yang telah mereka pelajari dan meliputi juga kepada pandangan terhadap subjek etika dan peradaban yang telah ditetapkan sebagai salah satu ketetapan dalam subjek MPU di UiTM. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif berdasarkan data yang terdapat dalam google form. Analisis yang dilakukan adalah untuk meneliti sejauh mana tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan kursus seterusnya akan menganalisis bagaimana keberkesanan kursus ini dalam membentuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM ini.

### Dapatan Kajian


Dapatan kajian dalam bahagian pertama adalah melibatkan aspek latarbelakang responden yang meliputi empat aspek utama iaitu jantina, peringkat pengajian, fakulti pengajian, semester pengajian dan kampus responden. Setiap aspek ini diambil kira sebagai kayu ukur dalam membuat analisis bersesuaian dengan responden yang diberikan borang kaji selidik yang merupakan responden melalui pemilihan secara rawak dan merupakan pelajar sepenuh masa di UiTM.



**Rajah 1: Peratusan Jantina Pelajar**

Sumber: Analisis penyelidikan berdasarkan data daripada *google form*


Berdasarkan Rajah 1 di atas, responden kajian adalah seramai 455 orang (100%) pelajar UiTM. Responden lelaki adalah seramai 103 orang (22.6%) manakala responden daripada kalangan perempuan adalah seramai 352 orang (77.4%). Kesemua responden diberikan borang soal selidik secara serentak dan menjawab berdasarkan ketetapan masa yang diberikan untuk diterima sebagai data dalam menguatkan analisis. Responden ini pula terdiri daripada pelbagai peringkat pengajian di mana terdiri daripada 74.7% iaitu seramai 340 orang daripada peringkat pengajian diploma, manakala sebanyak 25.3% iaitu seramai 115 orang pula terdiri daripada pelajar peringkat ijazah sarjana muda secara sepenuh masa di UiTM. Peratusan jantina pelajar adalah turut dipilih secara rawak mengikis kepada edaran borang soal selidik melalui google form dalam talian semata-mata tanpa ada pemilihan secara terperinci. Secara lebih jelas lagi, peratusan peringkat pengajian responden adalah berdasarkan kepada Rajah 2 di bawah:



**Rajah 2: Peringkat Pengajian Responden**

Sumber: Analisis penyelidik berdasarkan data daripada *google form*

Berdasarkan kepada Rajah 2, 74.7% responden adalah terdiri daripada kalangan pelajar peringkat diploma di mana pada peringkat diploma, pelajar turut didedahkan dengan keperluan subjek MPU iaitu pada semester satu dan dua. Pelajar diploma turut perlu mempelajari kursus Penghayatan Etika dan Peradaban pada semester kedua yang mana jika di UiTM kursus itu adalah di bawah kod CTU152. Maka, kesesuaian responden adalah menepati kepada objektif kajian yang mana ingin meneliti tahap keberkesanan kursus tersebut dalam membentuk kesepaduan kaum secara khususnya. Seterusnya 25.3% pula melibatkan responden daripada kalangan pelajar ijazah sarjana muda yang mana pelajar pada peringkat ini juga terlibat dalam ketetapan untuk mempelajari kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang tertakluk dalam kod CTU554.



**Rajah 3: Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Subjek MPU**

Sumber: Analisis penyelidik berdasarkan data daripada *google form*

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Rajah 3 adalah melibatkan soalan dalam bahagian kedua yang mana soalan ini adalah bersifat umum berfokuskan kepada penerimaan secara menyeluruh terhadap penerimaan responden daripada kalangan pelajar ini terhadap kursus MPU ini. Berdasarkan kepada maklum balas yang telah diterima ini, sebanyak 54.7% responden memilih sangat setuju dalam mengukur tahap penerimaan mereka belajar subjek ini. Peratusan ini adalah mewakili 249 orang pelajar. Seterusnya sebanyak 42% pula memberi jawapan setuju di mana mewakili 191 orang pelajar. Selebihnya adalah seramai 13 orang memilih tidak pasti yang mana mewakili 13 orang pelajar. Manakala baki 2 orang pelajar memilih sangat tidak setuju. Peratusan responden yang memilih sangat tidak setuju adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan populasi responden yang keseluruhan seramai 455 orang yang mana berdasarkan kepada maklum balas ini menunjukkan bahawa tidak timbul rasa keterpaksaan atau kesulitan kepada para pelajar dalam mempelajari subjek MPU ini sekaligus dapat memberi gambaran bahawa kursus Penghayatan Etika dan Peradaban juga adalah termasuk dalam penerimaan yang baik oleh para pelajar. Hal ini dapat dikuatkan dengan Rajah 4 seperti di bawah:



#### **Rajah 4: Pandangan Terhadap Penawaran Kursus dalam Memupuk Kesepaduan Kaum**

Sumber: Analisis penyelidik berdasarkan data daripada *google form*

Kesepaduan kaum merupakan satu elemen penting dalam memastikan sesebuah masyarakat berada dalam keadaan aman dan harmoni. Hal ini merupakan prasyarat kepada keadaan stabil dan tanpa konflik. Fokus dan matlamat dalam usaha mencapai kesepaduan kaum adalah bukan sesuatu yang baharu. Kesepaduan sosial adalah proses yang membina dan mengekalkan perasaan kekitaan dalam masyarakat dan perasaan yang meletakkan diri seseorang dalam sesuatu komuniti. Jika diperhatikan, konsep dan definisi kesepaduan juga tidak dapat lari daripada elemen komuniti yang mana perasaan keberadaan dalam komuniti itu adalah indikator penting dalam ukuran tersebut. Maka, berdasarkan elemen itu, pemahaman dan pandangan responden adalah diukur dengan soalan ketersediaan pelajar dalam memupuk kesedaran dalam usaha kesepaduan kaum. Sebanyak 99.6% iaitu 453 orang responden bersetuju dengan memilih 'Ya' bahawa dengan penawaran subjek kursus Penghayatan Etika dan Peradaban khususnya adalah salah satu usaha yang dapat memupuk semangat kesepaduan kaum.

Berdasarkan kepada dapatan kajian maklum balas responden ini, dapatlah disimpulkan bahawa dengan penawaran kursus tersebut dapat memupuk semangat kesepaduan kaum khususnya dalam kalangan para pelajar di UiTM dengan kaum etnik berlainan daripada kaum Bumiputera



di Malaysia. Hal ini diperkuat dengan pandangan dan cadangan responden yang menyatakan bahawa antara langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat kesepaduan kaum adalah seperti jadual di bawah:


Pandangan Responden	Peratus
Menghormati antara satu sama lain	24%
Sentiasa bertolak ansur dan sering memahami antara satu sama lain	19%
Berkomunikasi dengan mereka di sosial media	17%
Belajar menghormati kebudayaan dan agama orang lain. Dengan itu, semangat perpaduan dapat dipupuk dengan lebih mendalam.	15%
Dengan menunjukkan sikap yang baik dan bertolak ansur sesama kaum	11%
Sama-sama berbincang keunikan dan kelainan budaya dan fahaman masing-masing	9%
Menyertai aktiviti yang melibatkan semua etnik	5%

### Jadual 1: Pandangan Responden dalam Usaha Memupuk Kesepaduan Kaum

Sumber: Analisis penyelidik berdasarkan data daripada *google form*

Berdasarkan kepada Jadual 1, dapat dilihat responden telah memberikan pandangan sebanyak 24% untuk memupuk kesepaduan kaum adalah dengan menghormati antara satu sama lain. Hal ini jelas dengan pandangan daripada Jane Jenson (1998) yang menyatakan bahawa kesepaduan sosial adalah merupakan proses yang bukan sahaja melibatkan negeri atau negara, tetapi rasa komitmen, tanggungjawab, keinginan serta keupayaan untuk hidup bersama dengan harmoni. Maka, dalam memastikan kesepaduan kaum itu wujud dan dapat diintegrasikan, amalan menghormati dalam setiap kaum perlulah dipandang berat bagi memastikan kelangsungan hidup dapat dihayati dengan baik.

Selain itu, pandangan responden yang seterusnya dalam memupuk kesepaduan adalah menerusi sikap sentiasa bertolak ansur dan sering memahami antara satu sama lain iaitu sebanyak 19% telah dinyatakan secara keseluruhan menerusi bahagian tiga yang mana responden memberikan cadangan dan pandangan secara peribadi dalam soal selidik yang diedarkan. Berdasarkan pandangan dan dapatan ini, dapat disimpulkan pandangan ini selari dengan perspektif Islam itu sendiri yang sangat menitikberatkan elemen perpaduan dan kesepaduan dalam kehidupan manusia. Dalam agama Islam sendiri mengajar penganutnya bahawa perbezaan bangsa dan warna kulit itu bukanlah untuk mewujudkan pergaduhan tetapi itu merupakan satu bukti kekuasaan Allah SWT dalam penciptaan manusia dan dalam setiap nilai dan pandangan di sisi Allah SWT juga bukan ukuran fizikal tetapi didasari dengan nilai takwa. Islam juga mengambil berat berkaitan kelestarian keharmonian dalam hubungan masyarakat iaitu adanya konsep al-taaruf (saling berkenalan) yang membawa maksud berkenalan secara mendalam yang boleh menimbulkan kasih sayang. Maka, dalam konteks ini, kesepaduan yang ingin dicapai dilihat mampu diperkuat lagi dengan kefahaman dan penghayatan para pelajar melalui pendekatan silibus kursus Penghayatan Etika dan Peradaban ini yang mana sangat relevan dengan konteks pendidikan masa kini seperti mana maklum alas responden dalam Rajah 5 yang mana 55.8% sangat bersetuju bahawa subjek CTU yang merangkumi silibus subjek MPU yang ditawarkan di UiTM adalah relevan dan perlu dipelajari.



### Rajah 5: Relevannya subjek MPU dalam sistem pendidikan Masa Kini

Sumber: Analisis penyelidik berdasarkan data daripada *google form*

Berdasarkan kepada Rajah 5, dapat disimpulkan bahawa dengan penawaran subjek MPU khususnya dalam sistem pembelajaran di UiTM secara jelasnya dapat merangkumi beberapa domain seperti kognitif (intelektual), psikomotor (jasmani) dan afektif (emosi dan rohani) yang menyokong kepada sasaran serta pencapaian yang telah digariskan oleh pihak jawatankuasa induk fakulti dan juga universiti (Mohd Asri Abdullah, 2018). Bagi tujuan itu, antara strategi yang terkandung dalam silibus ini ialah mendedahkan siswa-siswi dengan kaedah penerokaan semasa menyelesaikan kajian kursus mereka, menggalakkan pembelajaran sendiri melalui jaringan telekomunikasi, program akademik atau lain-lain serta tidak ketinggalan penilaian berbentuk formatif atau pentaksiran. Dari sudut penilaian pula, penilaian pemarkahan menjurus kepada penilaian berterusan sepanjang semester iaitu 100%. Sebanyak 15% markah dibahagikan untuk hasil pembentangan yang dinilai dari segi kemahiran komunikasi, kemahiran berkumpul serta etika dan moral profesional pelajar, 20% penilaian bagi pembelajaran di atas talian atau MOOC, iaitu melibatkan aktiviti perbincangan topik serta kuiz, 25% pemarkahan untuk laporan kerja lapangan, video atau apa sahaja dokumentasi berkaitan. Sebanyak 40% berbaki merupakan ujian atau pentaksiran bertulis yang dilaksanakan sebelum peperiksaan akhir bermula (Mohd Asri Abdullah, 2018).

Selain itu, dalam usaha bagi memastikan kesepaduan kaum dapat dilaksanakan dengan kekuatan subjek ini, kementerian turut komited untuk memastikan enrolmen di IPT menggambarkan perpaduan dalam kepelbagaian kaum di Malaysia. Di mana, tujuannya adalah untuk membentuk sistem pendidikan yang membolehkan pelajar memahami nilai bersama serta berkongsi pengalaman dan aspirasi. Fokus utama adalah untuk menjadikan Falsafah Pendidikan Negara sebagai asas kepada pendidikan seimbang serta menekankan keseimbangan antara ilmu dan akhlak, etika dan kerohanian, kepemimpinan, jati diri kebangsaan, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2015). Secara keseluruhannya, membina sebuah negara bangsa yang sempurna bukanlah satu perkara yang mudah di Malaysia. Kepelbagaian komuniti etnik dari latar sejarah, bahasa dan budaya yang berbeza menyumbang kepada persoalan yang kompleks. Namun begitu, di sebalik kesukaran terdapat sesuatu yang tidak mustahil dikecapi sekiranya pengalaman sejarah disalurkan secara sistematik melalui pendidikan. Bahkan, setiap masyarakat juga perlu

diterapkan dengan elemen penghayatan etika dan peradaban bagi memastikan kelestarian keamanan dan keharmonian negara terus dikekalkan.

### **Kesimpulan**

Kursus teras universiti merupakan kursus asas yang diwajibkan ke atas setiap pelajar dan telah dilaksanakan sejak sekian lama. Bagi amalan biasa UiTM, kursus teras universiti ini dikodkan sebagai 'CTU'. Secara umumnya, kod kursus CTU telah banyak memberi kebaikan bukan hanya kepada pelajar, tetapi juga kepada tenaga pengajar iaitu pensyarah. Hal ini kerana, sebagai manusia biasa, jiwa-jiwa ini perlu sentiasa dibersihkan dengan ingatan dan ajaran yang membawa kepada kebaikan bukan hanya untuk dunia semata-mata, tetapi juga untuk kehidupan di alam akhirat. Namun begitu, beberapa isu yang timbul mutakhir ini berkaitan kod CTU di universiti telah memberi persepsi yang negatif. Beberapa individu telah menimbulkan isu kewajaran subjek ini diambil oleh pelajar universiti. Ekoran isu ini juga, segelintir individu memohon agar kod subjek CTU dikaji semula akan signifikansi kod ini diwajibkan di universiti tempatan. Persoalan utama yang timbul adakah kursus teras ini berkesan dalam memupuk kesepaduan kaum dalam kalangan pelajar UiTM? Bagaimana pula dengan penerimaan pelajar terhadap kandungan kursus ini? Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa kursus teras universiti bersifat dinamik dan anjal, serta seiring dengan kehendak dan keperluan semasa sebagai usaha memenuhi komponen kenegaraan Malaysia. Usaha ini pada masa yang sama juga dapat memenuhi peranannya iaitu untuk memupuk kesepaduan kaum di Malaysia.

Maka, berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah diperolehi, dapatlah dilihat bahawa secara jelasnya pelaksanaan subjek MPU khususnya dalam kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dapat menggalakkan menggalakkan siswa-siswi UiTM menguasai pelbagai kemahiran, termasuklah berfikir kreatif dan kritis dalam membincangkan isu-isu semasa serta cabaran dalam konteks kesepaduan kaum di Malaysia sekaligus menggalakkan siswa-siswi menilai kepentingan kesepaduan itu dalam mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab serta galakan membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik berasaskan nilai-nilai murni di Malaysia. Pembelajaran subjek ini memfokuskan kepada pembinaan kemahiran kritis dalam menyelesaikan masalah, memupuk pembentukan akhlak dan moral profesional dalam diri siswa-siswi serta melatih siswa-siswi menguasai dan mengasah kemahiran komunikasi bagi mempersiapkan mereka dengan dunia industri yang semakin mencabar era ini.

### **Rujukan**

- Ahmad, L. H. (2014). Keberkesanan kurikulum pendidikan Islam dalam pembentukan sahsiah Muslim: kajian terhadap pelajar di Politeknik Pantai Timur/Lukman Hakim bin Ahmad (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Ali, S., Hamzah, M. I., Lubis, M. A., Yusnaldi, E., Ikwana Lubis SE, M. M., & Taib, S. H. (2021). Prinsip Toleransi Islam Dalam Menangani Konflik Kepelbagaian Kaum di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)*. Eissn2600-769x, 4(2), 142-168.
- Aziz, E. A. (2022). Potensi Dialog dalam Memperkasa Agenda 'Keluarga Malaysia': Satu Analisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(1), 42-49.
- Din, H. A. H. M., Jodi, K. H. M., & Hussain, F. C. (2018). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus Pengajian Malaysia: kajian tinjauan di Universiti Islam Antara Bangsa Selangor. *Community: Pengawas Dinamika Sosial*, 3(2)
- Jusoh, L. M., & Embong, Z. (2021). Cabaran Memperkukuh Kesepaduan Sosial dalam Masyarakat Superdiversity di Malaysia. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*.

- Kamsani Md. Saad (2021). Persepsi Pelajar Terhadap Implimentasi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban Di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021) Online Conference pada 6 April 2021.
- Mahdi, M. S., Yunos, Y., & Yusoff, M. Y. M. (2021). Strategi pemantapan perpaduan menerusi animasi Upin & Ipin (Strategy to strengthen unity through Upin & Ipin animation). *Geografia*, 17(2).
- Marinsah, S. A., Muis, A. M. R. A., Esa, M. S., Wani, I., Othman, H., Ramlie, A., ... & Yusoff, M. S. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus Fis di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 137-149.
- Meerangani, K. A., Razak, A. Q. A., & Noor, M. M. Peranan Prinsip Rukun Negara dalam Pembentukan Bangsa Malaysia. *Islam Dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*, 47.
- Muis, A. M. R. A., Esa S.M, Romzi Ationg, Othman I.W, Mohd Shah M.K, Yusoff M.S, Ramlie H. A (2021). “Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PedP): Kajian Kes di Kalangan Pelajar Prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah”, dlm.*International Journal Of Law, Government and Communication*, 4 (23), hlm. 57-67.
- Ng, M. Y., & Harahap, I. (2017). Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Peneraju Transformasi Pendidikan Holistik. In Kuala Lumpur: National Pre-University Seminar 2017 (NpreUS2017) RHR Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia
- Priono, A. (2022). Integrasi Ilmu dan Agama dalam Upaya Membangun Etika dan Pendidikan Moral dalam Pembelajaran Islam. *Book Chapter of Proceedings Journey-Liaison Academia and Society*, 1(1), 65-71.
- Razak, A. A., Bakar, S. A., Yusuff, N. A., Nawati, N. H. M., & Daud, B. C. (2022). Nilai Toleransi dalam Mata Pelajaran Umum menurut Perspektif Pelajar. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826*, 5(1), 1-7.
- Razak, M. H. A. (2013). Penghayatan dan Kesedaran Patriotisme Dalam Kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 8, 2-24.
- Rohana, N. A. M., Hashim, S. N. I., Ab Hamid, N., Rameli, M. F. P., Mohamed, N., & Daud, H. (2021). Pelaksanaan Subjek Hubungan Etnik Tanpa Peperiksaan Akhir Di Uitm Cawangan Melaka. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)*, 1, 18-34.